

04/03/2001

Kenyataan Shahnon bercanggah dengan Islam: Abdullah

BALIK PULAU: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyifatkan kenyataan Ahli Parlimen Sik, Datuk Shahnon Ahmad agar pertemuan peringkat tertinggi Umno dan Pas tidak perlu, sebagai tindakan yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Timbalan Presiden Umno berkata, ajaran Islam menggalakan rakyat bermusyawarah mengenai pelbagai hal berhubung kait dengan kehidupan.

Menurutnya, bertemu dan bermusyawarah adalah ajaran Islam kerana ia memberi kebaikan kepada pihak yang terbabit.

"Biarlah orang (rakyat) menghakimkan apa dia (Shahnon) cakap itu," katanya ketika diminta mengulas kenyataan Shahnon bahawa pertemuan pemimpin kedua-dua parti tidak perlu ketika ditemui selepas berceramah di Jitra, Kedah, kelmarin.

"Kalau dia berasa anggota Pas yang kata mereka berjuang pada Islam, maka keengganan bercakap dan bermusyawarah itu pun bertentangan dengan ajaran agama kita," katanya ketika ditemui selepas menghadiri majlis mesra pemimpin bersama rakyat di Kompleks Sukan Balik Pulau, di sini semalam.

Turut hadir, Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Timbalan Ketua Menteri, Datuk Dr Hilmi Yahaya dan Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad.

Lebih 6,000 orang daripada pelbagai lapisan masyarakat serta kaum menghadiri majlis berkenaan. Turut menyambut dan mengiring Abdullah ke kompleks berkenaan adalah kira-kira 400 Pemuda dari parti komponen Barisan Nasional (BN).

Dalam kenyataan itu juga, Shahnon menyifatkan usaha pertemuan perpaduan Melayu sebagai usaha memerangkap Pas bagi membolehkan Umno meraih sokongan orang Melayu.

Ditanya mengenai kenyataan Shahnon, Abdullah yang juga Timbalan Perdana Menteri berkata, alasan Shahnon itu tidak wajar jika ia hanya sebagai untuk menggagalkan pertemuan dan usaha berhubung perpaduan Melayu.

"Jadi dia (Shahnon) menganggap Pas itu terlalu lemah dan mudah diperangkap. Oleh itu dia bersikap macam tu. Itu pada saya adalah suatu alasan yang tidak baik," katanya.

Katanya, pendekatan Umno jelas dan sebab itulah Umno, khususnya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pun berkata tidak payah mengenakan pelbagai syarat kerana semua perkara boleh dibangkitkan dalam pertemuan itu nanti.

Terdahulu itu, Abdullah dalam ucapannya, berkata semua projek pembangunan di kawasan luar bandar perlu disegerakan dan dilaksanakan secara betul agar rakyat dapat menikmatinya, termasuk dalam bidang pendidikan.

Beliau berkata, perlu wujud keseimbangan antara pembangunan di luar bandar dan bandar, termasuk dari segi kemudahan pendidikan, infrastruktur dan sosial.

Menurutnya, berdasarkan kepada keputusan peperiksaan yang baru-baru ini, jika kemudahan secukupnya disediakan, pelajar di luar bandar juga mampu meraih keputusan cemerlang.

(END)